

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis  
**DARIPADA** : Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]  
**SOALAN** : Tuan Sim Tze Tzin minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan keputusan Kementerian dalam isu pengezonan semula kawasan penangkapan ikan selepas mendengar keluhan nelayan-nelayan Zon B di Parlimen pada bulan Jun 2014, iaitu secara terperinci:-  
(a) sama ada Kementerian ada rancangan untuk membantu nelayan-nelayan Zon B; dan  
(b) bila tindakan tersebut akan diambil.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia sedang mengambil beberapa langkah untuk memulihara sumber perikanan. Salah satu langkah adalah melalui pengezonan semula kawasan penangkapan ikan. Pelaksanaan pengezonan semula ini telah dilaksanakan pada 1 Jun 2014 bagi Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang melibatkan empat buah

negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Pengezonan semula ini tertumpu kepada kawasan yang melibatkan operasi vesel komersial seperti pukat tunda. Untuk itu, sempadan kawasan operasi bagi zon B ditingkatkan dari 5 batu nautika kepada 8 batu nautika ke atas. Bagi membantu nelayan zon B ini, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- i. membenarkan mereka menggunakan nelayan asing;
- ii. membenarkan vesel mereka diubahsuai menjadi lebih besar; dan
- iii. menggalakkan menyertai Program 'Exit Plan' dan berpindah kepada industri akuakultur atau yang berkaitan dengan agropelancongan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**SOALAN : 473**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang diambil untuk membanteras gejala rasuah dalam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), di mana didapati insiden pembelian lesen yang dibongkar oleh Berita Harian dan skandal syarikat-syarikat logistik memberi rasuah agar lori mereka yang sarat muatan tindakan dikenakan tindakan JPJ.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Integriti di Jabatan pengangkutan Jalan (JPJ) mula diwujudkan pada 15 Ogos 2013 bagi menggantikan Bahagian Inspektorat yang mana berperanan mewujudkan persekitaran kerja yang telus, berintegriti tinggi dan mesra dengan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 131 kes telah direkodkan dan dibuka fail siasatan berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 135 kes. Kes yang direkodkan merangkumi aduan dan siasatan melibatkan penyalahgunaan kuasa, kegagalan mematuhi prosedur, layanan kurang memuaskan, rasuah dan kecuaian. Pada tahun 2012, sebanyak 14 kertas siasatan yang melibatkan kes rasuah telah direkodkan berbanding tahun 2013 yang hanya merekodkan satu kes sahaja dan tiada kes rasuah yang dicatatkan sehingga 31 Mei 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes-kes yang melibatkan insiden rasuah akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) manakala kesalahan-kesalahan lain termasuk rasuah sekiranya disabitkan kesalahan, akan dikenakan tindakan tatatertib yang merangkumi amaran, denda, penangguhan pergerakan gaji, penurunan gaji dan pangkat serta diberhentikan kerja.

Dalam usaha untuk menangani isu rasuah di kalangan warga JPJ, satu Pelan Integriti JPJ telah digubal yang merangkumi empat strategi iaitu

Strategi Pendidikan, Strategi Pencegahan, Strategi Pengukuhan serta Strategi Punitif/Penguatkuasaan. Di bawah empat strategi ini, pelbagai aktiviti dan program telah dan sedang dijalankan dalam meningkatkan integriti pegawai dan kakitangan.